Case study

1 JAM
50 PROSPEK

Teknik mendapatkan senarai prospek dengan mudah dalam masa yang singkat di FB Group

Oleh: Sis Ummie

FB GROUP.

Pernah post iklan di Facebook Group ?

Dah banyak kali post tapi takde respon ?

Kalau **YE**, maknanya ada yang tak kena dengan teknik dan cara anda post.

- - - - - - -

Mesti anda pernah jumpa, Group tu bilangan member bukan main ramai, tapi bila orang post, takde orang pun nak komen, like adalah sikit-sikit, ada yang komen pun merepek-repek…

Dalam kepala anda pun fikir…
Group ni tak aktif ke ?

Air yang TENANG jangan disangka tiada BUAYA…..

FB GROUP…

Adalah lubuk yang paling banyak golongan yang dipanggil '***SILENT READER***'

Ya, mereka sebenarnya lihat dan baca post anda tapi mereka tak rasa nak ambil bahagian.

2 Sebabnya:

1. *Mereka dah muak, setiap hari diasak dengan pelbagai jenis post promosi tiap kali login facebook*.
2. *Apa yang anda cuba iklankan tak kena dengan apa yang mereka mahu dan tak menarik langsung.*

Jadinya… apa nak buat ?

Jangan PROMOSI,

Buat cara ni, 90% memang anda akan **GAGAL**.

Apa yang anda perlu buat adalah…

MEMBERI & JEMPUT

MEMBERI : *Sesuatu yang SPECIAL dan ada VALUE*

JEMPUT : *Ke satu tempat yang kita boleh himpunkan mereka. (khas/jadi rakan anda)*

Tapi…

Nak tulis post mesti ada TEKNIKnya….

Teknik ini adalah hasil cetusan idea dari Sifu Marketing saya, *Tuan Faisal Abdullah…*

Untuk **EVALUATE** teknik ini…

Satu post telah dibuat oleh rakan saya ke satu Group dalam niche '*Jana Pendapatan*'

Secara ringkas, Post yang ditulis adalah…

-- -

" Anda Nak ni…."
" Saya nak bagi/jemput anda ke… (special)
Gambar yang saya letak adalah duit...
Lepas tu straight forward kata...

" Kalau nak…"
Sila Komen Nama + Hp No "

- -

Dalam masa 58 minit, hasilnya…

- Like = **70**+
- Komen = **59**+

Dibawah ini adalah post sebenar yang dibuat. BACA dan cuba ANALISIS..

Dapat analisis ?

.

.

.

Lihat '***POST MOTERM***' untuk post ini dipage seterusnya..

Headline: Tanya sesuatu yang trigger EMOSI pembaca. Bagi visual. (*Dalam contoh ini adalah gambar duit*)

Arahan: Minta data yang berharga dari mereka (*Dalam contoh ini adalah No tel*)

Offer: Tawarkan sesuatu yang berharga dan himpunkan mereka (*Dalam contoh ini adalah Group Special*)

Highlight arahan.

Urgency: Bagi tempoh masa yang sangat singkat (1 – 2 jam)

Remind buat kali ke-2

Tambahkan perisa (*Optional*).

Gambar (*Yang beri visual tentang Headline & Isi mesej*)

2 elemen POWER

1. <u>Highlight apa yang anda nak beri</u>

- *Bagitau apa yang anda nak beri*

- *Buat dalam 5 perkataan sahaja atau kurang. (Kita ada 3 saat sahaja untuk tangkap perhatian pembaca)*

2. <u>Berikan masa paling singkat</u>

- *Bagi tawaran, sesuatu/info yang berharga dan mempunyai nilai.*

- *Himpunkan mereka didalam satu group untuk dapatkan tawaran tadi.*

3. <u>ARAHAN</u> (*Call To Action*)

- *Minta data mereka dan bagi arahan mudah untuk mereka buat sebelum menerima tawaran daripada anda.*

- ***URGENCY*** *– Sangat penting. Beri satu tempoh masa yang sangat singkat antara 1 – 2 jam untuk mereka dapatkan tawaran tu. (Cara inilah kita nak kejutkan golongan 'Silent Reader'.)*

4. <u>GAMBAR</u>

Yang menarik dan bagi gambaran jelas dengan tawaran/mesej yang anda sampaikan.

ELAKKAN 2 ELEMEN INI !

1. Jangan promosi/menjual tapi memberi.

Orang lain sibuk promosi & menjual dahulu, kita beri sesuatu yang berharga dahulu, himpunkan, baru close/menjual.

2. Jangan susahkan pembaca.

Orang lain sibuk beri arahan, "pm saya..", "sms saya.." Mereka tak ada masa nak buka facebook anda, pm anda, nak taip sms lagi, nak salin no anda lagi.

Mereka nak buat tapi malas, tangguh & terus lupa.

Bagi arahan yang mereka boleh buat waktu tu juga, pada masa yang sama, ditempat yang sama tanpa perlu keluar dari situ. (Komen)

KESIMPULAN:

Group adalah ‘**lubuk prospek’**, kalau anda bijak dan gunakan teknik yang betul untuk tarik mereka keluar.

Cuba kenal pasti beberapa group yang aktif...

5 - 10 yang ada kena mengena dengan niche anda...

Tawarkan sesuatu & kumpulkan mereka disatu tempat yang lain

Gunakan.. **Good Headline** + **Power Words** + **Gambar**

Anda akan nampak...

Rupanya ramai *‘Silent Reader’ di FB Group*. Gunakan teknik yang betul dan sentiasalah olah ayat, jangan berhenti post di Group.

GOOD LUCK !!

Panduan ini ditulis oleh:

Umi Kalsum (Sis Ummie)

FB: *http://www.facebook.com/ummiephyto*

No tel: *011-26610170*